

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 26 MEI 2016 (KHAMIS)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                                | <b>Akhbar</b>     |
|------------|-----------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1          | Peruntukan RM25 juta biayai Program Inovasi Sosial MOSTI                    | Bernamea.com      |
| 2          | Ensiklopedia nuklear bahasa Melayu diterbitkan hujung 2016                  | Utusan Malaysia   |
| 3          | Terbit ensiklopedia teknologi nuklear                                       | Sinar Harian      |
| 4          | Ensiklopedia berkaitan sains nuklear bakal diterbitkan penghujung tahun ini | Bernamea.com      |
| 5          | Climate refugees becoming a reality                                         | New Straits Times |
| 6          | Many forced to flee homes through no fault of their own                     | New Straits Times |



## Peruntukan RM25 Juta Biyai Program Inovasi Sosial MOSTI

KUALA KRAU, 25 Mei (Bernama) -- **Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** memperuntukkan RM25 juta bagi membangun dan membiayai program Inovasi Sosial MOSTI (MSI) tahun ini.

**Setiausaha Bahagian ICT MOSTI Suhaimi Hamzah** berkata skop utama pembiayaan berkenaan membabitkan aspek utiliti, perkhidmatan, kesihatan, keselamatan, pendidikan, alam sekitar dan aktiviti bersifat ekonomi yang dapat melonjakkan sosio ekonomi rakyat.

Beliau berkata program MSI bertujuan membantu kumpulan sasar khususnya peladang dan penternak untuk menikmati faedah langsung daripada aplikasi teknologi dalam bentuk produk dan perkhidmatan.

"YIM telah melaksanakan pelbagai projek inovasi termasuklah sangkar sembelihan mudah alih yang disumbangkan kepada beberapa masjid terpilih di lima buah negeri," katanya.

Suhaimi berkata demikian ketika berucap pada majlis penyerahan Projek Sangkar Sembelihan Mudah Alih di bawah program MSI kepada Masjid Sultan Ahmad Shah, Bandar Tun Abdul Razak Jengka di sini, hari ini.

Beliau berkata program yang dilancarkan pada 16 April 2015 itu melibatkan pembiayaan 77 projek inovasi di Pahang dengan memberi manfaat lebih menyeluruh kepada golongan sasar di seluruh negara.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14**  
**TARIKH: 26 MEI 2016 (KHAMIS)**

## Ensiklopedia nuklear bahasa Melayu diterbitkan hujung 2016

**IPOH 25 Mei** - Ensiklopedia mengenai teknologi sains nuklear dalam bahasa Melayu yang pertama dihasilkan di negara ini akan dilancarkan pada hujung tahun ini.

Pengarah Kanan Program Pengkomersialan dan Perancangan Teknologi Agensi Nuklear Malaysia, Datuk Dr. Zulkifli Mohamed Hashim berkata, setakat ini ensiklopedia setebal 250 muka surat itu yang dihasilkan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sudah 95 peratus siap.

Tambah Zulkifli, ensiklopedia itu yang dihasilkan sejak dua tahun lalu mengandungi entri-entri khusus dalam teknologi sains nuklear yang penting untuk membantu pembaca memahami dengan lebih berkesan mengenai bidang berkenaan.

Kata beliau, seramai 99 penulis anak tempatan dalam kalangan pegawai penyelidik di Agensi Nuklear Malaysia terlibat dalam menghasilkan bahan itu.

"Agensi Nuklear Malaysia menerbitkan ensiklopedia ini untuk merakyatkan sains supaya masyarakat umum dapat memahami bidang sains nuklear dengan lebih baik kerana kita tidak mahu bidang ini tertumpu kepada kumpulan penyelidik sahaja.

"Kita mahu rakyat faham dan



**ZULKIFLI MOHAMED HASHIM (dua dari kanan) berbual dengan peserta pada Seminar Penulisan, Penerbitan Saintifik dan Bengkel 2016 di Ipoh, Perak, semalam. - UTUSAN/ZULKARNAIN MOHD. SAIDIN**

mula bertanya tentang perkara saintifik tersebut. Ini kerana sekarang orang hanya kaitkan nuklear itu bom sahaja, sedangkan teknologi nuklear boleh diaplikasikan dalam banyak bidang seperti pertanian, perubatan dan industri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmi-

kan Seminar Penulisan, Penerbitan Saintifik dan Bengkel 2016 anjuran agensi itu yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam, di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Jabatan Dasar dan Penyelidikan DBP, Rusli Abd. Ghani.

Zulkifli berkata, penerbitan ensiklopedia itu turut menda-

pat sokongan dan peruntukan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

"Untuk penerbitan edisi pertama ini, kita perkenalkan istilah sains nuklear secara umum dan mungkin pada masa depan kita buat pula secara khusus contohnya istilah nuklear dalam bidang perubatan," katanya.

# Terbit ensiklopedia teknologi nuklear



Dzul kifli (baris kedua, tengah), Rusli (baris kedua, dua kanan) dan Abd Jalil (baris kedua, tiga kanan) bergambar bersama peserta bengkel, semalam.

■ MUHAMAD ADZHAR TAJUDDIN

**IPOH**- Agensi Nuklear Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan menerbitkan sebuah ensiklopedia berkaitan teknologi nuklear, hujung tahun ini.

Pengarah Kanan Program Pengkomersilan dan Perancangan Teknologinya, Dr Dzul kifli Mohamed Hashim berkata, ketika ini ensiklopedia berkenaan berada dalam proses penyuntingan dan hampir 95 peratus disiapkan.

"Ini ensiklopedia pertama berkaitan teknologi nuklear dalam bahasa Melayu yang diterbitkan hasil kerjasama kedua-dua pihak.

"Fokus kita adalah untuk memberikan kefahaman kepada orang ramai berkaitan teknologi nuklear dalam pelbagai bidang termasuk pertanian, perubatan, industri dan sebagainya," katanya pada sidang media sempena Seminar Penulisan dan Penerbitan Saintifik dan Bengkel 2016 di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Dasar dan Penyelidikan DBP, Rusli Abd Ghani dan Penasihat Eksekutif Editorial *Sinar Harian*, Datuk Abd Jalil Ali.

Terdahulu, seminar yang berlangsung selama dua hari bermula 24 Mei lalu itu dianjurkan oleh Persatuan Perlindu-

ngan Sinaran Malaysia (Marpa), Agensi Nuklear Malaysia, DBP dan Kumpulan Media Karangkraf.

Menurutnya, seramai 99 individu dalam kalangan pegawai penyelidik agensi itu turut terlibat dalam penerbitan ensiklopedia berkenaan.

"Penerbitan ensiklopedia ini juga diilhamkan melalui siri bengkel dan perbincangan yang dilakukan dengan pelbagai pihak termasuk DBP selain mendapat sokongan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)," ujarnya.

Katanya, DBP dan Mosti juga memperuntukkan dana bagi memastikan penerbitan ensiklopedia itu direalisasikan.



## Ensiklopedia Berkaitan Sains Nuklear Bakal Diterbitkan Penghujung Tahun Ini

IPOH, 25 Mei (Bernama) -- **Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia)** dengan kerjasama Dewan Bahasa Pustaka (DBP) bakal menerbitkan sebuah ensiklopedia berkaitan teknologi sains nuklear dalam bahasa Melayu yang pertama di negara ini, pada penghujung tahun.

**Pengarah Kanan Program Pengkomersilan dan Perancangan Teknologi Agensi Nuklear Malaysia, Datuk Dr Zulkifli Mohamed Hashim** berkata setakat ini, proses menyiapkan ensiklopedia berkenaan sudah 95 peratus siap.

"Ensiklopedia ini dijangka siap penghujung tahun ini. Bagi penerbitan buku ini kita telah mengadakan beberapa siri bengkel dan siri perbincangan dan ia mendapat sokongan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

"Kementerian turut memberi peruntukan kepada pihaknya bagi melengkapkan penulisan tersebut," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Penulisan dan Penerbitan Saintifik di Hotel Impiana di sini hari ini.

Menurutnya, ensiklopedia yang mempunyai kira-kira 250 muka surat itu telah dihasilkan oleh 99 penulis, terdiri daripada pegawai penyelidik Nuklear Malaysia.

Dalam pada itu, Dr Zulkifli berkata pihaknya kini dalam usaha untuk merakamkan sains agar orang awam dapat memahami bidang sains nuklear dengan lebih baik.

"Kita tidak mahu bidang ini tertumpu kepada kumpulan penyelidik sahaja. Fokus kita ialah untuk memahami rakyat kita berkenaan bidang teknologi nuklear dan aplikasinya dalam bidang-bidang seperti pertanian, perubatan dan industri," katanya.

"Menerusi seminar ini, kita mengharapkan agar mereka dapat menerbitkan artikel dalam bidang sains dan teknologi antara 500 hingga 560 setahun," katanya.

Sementara itu, Pengarah Dasar dan Penyelidikan DBP Rusli Abd Ghani berkata pihaknya sedang giat berusaha untuk meningkatkan judul buku yang berkaitan dengan bidang sains.

"Sasaran kita adalah sebanyak mungkin. Kita mempromosikan usaha menerusi seminar ini supaya mereka yang berminat akan menghubungi DBP untuk menulis buku-buku selain daripada strategi utama kita ialah bekerjasama dengan agensi,"

katanya

Seminar tiga hari bermula semalam itu merupakan anjuran Nuklear Malaysia, DBP, Malaysian Radiation Protection Association (MARPA) dan Kumpulan Media Karangraf dengan sokongan Institut Terjemahan & Buku Malaysia, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), PTS Publications & Distributors Sdn Bhd serta beberapa universiti tempatan.

Penganjuran seminar kali ke-9 itu bertemakan 'Martabat Karya, Perkasa Ilmu' membincangkan topik-topik seperti dunia penulisan serta penerbitan hari ini yang merangkumi cabaran, hak cipta, undang-undang, peranan dan masa depan penerbitan saintifik.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**NEWS STRAITS TIMES (COMMENT) : MUKA SURAT 17**  
**TARIKH: 26 MEI 2016 (KHAMIS)**

## *Climate refugees becoming a reality*

**ENVIRONMENTAL THREAT:** Lives will be in danger when the weather gets extreme

**I**MAGINE life as a refugee. Poor sanitation. Access to clean water never guaranteed. Uncertain electricity supply. Take it or leave it kind of option for food. When it rains, it is difficult not to get wet. In winter, keeping warm is barely possible.

Despite such hardships, many end up as refugees. It is better than being hounded by conflicts at home. This is exactly what had motivated many from the conflict zones in the Middle East and North Africa to flee by the thousands to seek refuge in Europe. And, they do this knowing very well they risk getting drowned in the treacherous waters of the Mediterranean Sea.

Nobody chooses to live as a refugee. Nobody wants to endure such hardships. In Malaysia, we must count ourselves lucky.

We should be thankful that so far, we have not been hounded by conflicts to leave the country.

The closest one can get to such situation is when hit by floods. Even then, it is usually temporary. We normally have to put up, at the most, a few days in relief centres waiting for the water to subside.

There, we are often well looked after. One exception is, of course, the victims of the worst floods that hit Kelantan in December 2014.

Some of them are still putting up with the discomfort of temporary housing, where living conditions are the closest that one can get to refugee camps in Greece or other parts of the world.

→ Continued next page



A woman walking in a flooded field at a makeshift camp for refugees in the Greek-Macedonian border near the village of Idomeni, Greece, recently. Reuters pic



DR AHMAD  
IBRAHIM

**KERATAN AKHBAR**  
**NEWS STRAITS TIMES (COMMENT) : MUKA SURAT 17**  
**TARIKH: 26 MEI 2016 (KHAMIS)**

## *Many forced to flee homes through no fault of their own*

➔ From Page 16

The only saving grace is that we do not have cold winters in Kelantan.

The recent reporting of cold spells in Kuala Krai is only a faint shadow of the cold in temperate Greece. We must consider ourselves fortunate.

Life as a refugee is not a new world phenomenon. It has been going on for ages in different parts of the world. Many must still remember the boat people of Vietnam.

They travel in fragile boats, risking their lives to escape the conflict in their country. Many drowned along the way.

The lucky ones arrived in Malaysia and were placed in camps while waiting for a third country to host them.

In Paris nowadays, there are many Vietnamese takeaways. Most of them were war refugees. France took a sizable number then. There were those who ended up in the United States.

And, their second or third generation descendants have become successful business people.

In fact, some have even become members of the US Congress. When Vietnam eventually embraced the market economy, a number re-

turned to expand their fortunes and help rebuild their home country.

If we study the refugees of the past, most fled their countries for two main reasons.

It was either because of life-threatening conflicts and discrimination at home, or due to unbearable economic conditions making life intolerable and their future insecure.

One good example closer to us is the Rohingyas in Myanmar. They have been literally forced out of their country, apparently through a kind of ethno-religious persecution and discrimination.

And, worse still, they are more or

less denied citizenship in their own country. Now, many believe a third reason is emerging.

There is a strong compelling argument to expect the emergence of climate refugees due to global warming and climate change in the not too distant future.

These are people living in low-lying parts of the world, who will be forced to leave their homes because of rising sea levels.

No thanks to the continued squabbling among major countries on the necessary mitigation actions to fight climate change, experts predict sea level rise will soon be a reality.

Already we have heard of some islands in the Southern Pacific that have been submerged.

As a country, we are also not spared from this eventuality. There are parts of Malaysia which are low lying and near the sea.

The flooding of some such coastal areas is no longer avoidable. And it is highly probable that we, as a nation, will also have our own share of dealing with the new category of refugees — the climate refugees.

\* [ahmad.ibrahim@akademisains.gov.my](mailto:ahmad.ibrahim@akademisains.gov.my)

The writer is a fellow at Academy of Sciences Malaysia